



# SOALAN LAZIM

## PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT MUDA LEPASAN SPM 2017 YOUNG TALENT DEVELOPMENT PROGRAMME (YTP)

**1. Apakah itu Program Pembangunan Bakat Muda Lulusan SPM 2017 (YTP)?**

Program Pembangunan Bakat Muda Lulusan SPM 2017 (YTP) adalah program penajaan di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk pelajar cemerlang lulusan SPM 2017 bagi melahirkan pemimpin, teknokrat, profesional dan usahawan negara.

**2. Apakah kursus dan syarat kelayakan untuk melayakkan saya memohon Program YTP?**

Kursus dan syarat kelayakan Program YTP boleh dirujuk dalam senarai kursus dan syarat kelayakan semasa permohonan dibuka.

**3. Bagaimanakah cara untuk saya memohon Program YTP?**

Permohonan boleh dibuat secara atas talian (*online*) melalui laman web rasmi MARA <http://www.mara.gov.my> apabila permohonan dibuka. Pemohon hendaklah mendaftar terlebih dahulu sebelum boleh memohon secara *online*. Pemohon perlu membaca dan memahami garis panduan yang disediakan sebelum membuat permohonan.

**4. Berapa lamakah tempoh permohonan dibuka?**

Permohonan dibuka selama **8 hari** mulai **19 Mac 2018 (Isnin) jam 10.00 pagi** hingga **26 Mac 2018 (Isnin) jam 5.00 petang**.

**5. Sekiranya permohonan telah ditutup, adakah saya boleh memohon secara manual menggunakan surat permohonan?**

Tiada permohonan secara manual dibenarkan.

**6. Bolehkah saya memohon kedua-dua program dari dua badan penaja iaitu MARA dan JPA?**

Tidak boleh. Pemohon hanya dibenarkan memohon salah satu badan penaja sahaja, sama ada MARA atau JPA. Jika pemohon telah memohon program di bawah salah satu badan penaja, secara automatik sistem tidak akan membenarkan pemohon membuat permohonan ke penaja berikutnya kerana MARA dan JPA menggunakan sistem permohonan yang sama.

**7. Saya mendapat 8A dalam peperiksaan SPM 2016. Bolehkah saya memohon?**

Tidak boleh. Permohonan hanya dibuka kepada pelajar-pelajar lulusan **SPM 2017** sahaja.

**8. Adakah pemohon dibenarkan untuk mengikuti program persediaan secara persendirian?**

Tidak. Pemohon yang berjaya ditawarkan di bawah Program YTP perlu mengikuti program persediaan di kolej / institusi yang telah ditetapkan oleh MARA sahaja.



# SOALAN LAZIM

## PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT MUDA LEPASAN SPM 2017 YOUNG TALENT DEVELOPMENT PROGRAMME (YTP)

**9. Jika saya tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan tetapi saya ingin mencuba untuk memohon, adakah dibenarkan?**

Pemohon dinasihatkan untuk menyemak syarat kelayakan terlebih dahulu sebelum membuat permohonan. Hanya pemohon yang memenuhi syarat kelayakan sahaja akan dipertimbangkan untuk ke saringan seterusnya.

**10. Adakah saya perlu melalui proses temuduga selepas memohon?**

Ya, pemohon yang telah disenarai pendek akan dipanggil untuk mengikuti proses temuduga.

**11. Adakah saya perlu menghantar borang atau apa-apa dokumen selepas membuat permohonan?**

Tidak perlu. Pemohon hanya perlu mencetak slip pengesahan permohonan setelah selesai membuat permohonan untuk tujuan rujukan.

**12. Bilakah saya boleh membuat semakan keputusan?**

Pemohon adalah dinasihatkan untuk sentiasa membuat semakan di laman web MARA dari semasa ke semasa bagi mengetahui sebarang maklumat terkini.

**13. Bagaimanakah cara untuk saya menghubungi MARA sekiranya ada sebarang pertanyaan?**

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh menghubungi talian seperti berikut:-

Telefon : 03-261 32487 / 32108 / 32065 / 32098

Email : [postspm@mara.gov.my](mailto:postspm@mara.gov.my)

Facebook : Postspmmara

Waktu Urusan		
Hari	Isnin hingga Khamis	Jumaat
Masa	9.00 pagi – 1.00 tengah hari	9.00 pagi – 12.15 tengah hari
Rehat	1.00 tengah hari – 2.00 petang	12.15 tengah hari – 2.45 petang
Masa	2.00 petang – 4.30 petang	2.45 petang 4.30 petang
TUTUP PADA SABTU, AHAD DAN CUTI KELEPASAN AM		